

مسلمین

MÜSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama
Terbitan: Pusat Da'wah Islamiah



مؤسسة دعوة المسلمين
مركز الدعوة الإسلامي

OKTOBER 2022 M

Rabiulawal - Rabiulakhir 1444H
Tahun 34 • Bil 10



BERITA UTAMA

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS KONVOKESYEN KE-12 KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN ➤3

Doa Kesyukuran
Sempena Memperingati
Masjid Ash-Shaliheen
yang ke-10 Tahun

8

Pertandingan Membaca
Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an
antara Pegawai-pegawai
Masjid Senegara Kali Ke-9

13

Perhimpunan
Malam Munajat
Khas

10-11

Dikir Maulud Bersama
Muallaf di Kawasan
Pedalaman

14

Penubuhan Tabung
Kemanusiaan Banjir
Pakistan

12

Penutup Dikir Maulud
Bersama Muallaf
di Daerah Belait

15

Doa Kesyukuran bagi
Graduan KUPU SB

20



5



7

Perhimpunan Khas Wanita
Sempena Sambutan Maulud
Nabi Muhammad Shallallahu
'Alaihi Wa Sallam

Majlis Perhimpunan Khas Wanita
Sempena Sambutan Maulud Nabi
Muhammad Shallallahu 'alaihi wa
sallam berlangsung di Royal Berkshire
Hall, Jerudong



9

Graduan Cemerlang Biasiswa
KHEU Diraikan

Antara tujuan majlis itu diadakan sebagai tanda kesyukuran di atas kejayaan graduan-graduan dan memberi pengiktirafan kecemerlangan akademik atas usaha gigih mereka.

Zikir Harian

حَسِبْنَا اللَّهُ وَنَعْمَ الْوَكِيلُ

Cukuplah Allah untuk menolong kami, dan Ia sebaik-baik Pengurus (yang terserah kepada-Nya segala urusan kami.)

FADHILATNYA:

Dengan mengamalkan zikir ini akan dapat mententeramkan hati, meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

HAYATI SIRAH RASULULLAH SEBAGAI PANDUAN HIDUP

Dengan kedatangan bulan Rabiulawal, pelbagai atur cara keagamaan sempena Maulidur Rasul disusun secara besar-besaran di negara ini. *Alhamdulillah*, masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat mahupun rumah-rumah persendirian di negara ini disemarakkan dengan Dikir Maulidur Rasul selama 12 malam berturut-turut, di samping majlis ceramah agama dan acara kemuncak Perarakan Maulud Nabi *Shallallahu alaihi wa sallam* peringkat negara yang akan berlangsung pada 12 Rabiulawal setiap tahun.

Melalui sambutan berkenaan, kita dapat memperingati pengorbanan dan menghayati perjuangan baginda Rasulullah *Shallallahu alaihi wa sallam* dan para sahabat dalam mengembangkan dan meninggikan syiar Islam. Secara tidak langsung ia juga akan menzahirkan rasa kasih sayang dan cinta kita kepada Rasulullah.

Umat Islam sangat beruntung dan patut mensyukuri kerana kita memiliki al-Qur'an al-Karim dan Sunnah Rasulullah sebagai bimbingan dan panduan yang betul dalam menjalani hidup. Sesungguhnya sirah Rasulullah merupakan sirah yang sempurna dalam kehidupan bermasyarakat. Rasulullah menjadi contoh terbaik bagi semua lapisan masyarakat baik pendakwah, pemimpin, bapa, suami, guru, ahli politik, dan sebagainya. Bahkan Sunnah Rasulullah itu merangkumi segala aspek kehidupan bukan sahaja dari sudut ibadat seperti sembahyang, berwudhu', puasa, berzikir, bersedekah dan lain-lain malahan termasuk perlakuan sehari-hari seperti adab makan dan minum, adab tidur dan sebagainya.

Marilah kita sama-sama mengiltizamkan diri untuk memperelok akhlak, sesuai ajaran Islam dan Sunnah Rasulullah *Shallallahu alaihi wa sallam*. Dengan yang demikian, sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad *Shallallahu alaihi wa sallam* sebagai rasa kasih dan cinta kita terhadapnya. Mudah-mudahan dengan memperbanyakkan berselawat ke atas baginda Rasulullah, umat Islam, rakyat dan penduduk negara ini, serta negara kita akan sentiasa aman sejahtera dan di dalam lindungan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. *Aamin Ya Rabbal 'aalamiin*.

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, *Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* •
PENOLONG PENASIHAT: Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar, *Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* •
KETUA PENERBIT: Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, *Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriati binti Haji Ahmed, *Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan [Pemasaran]* • **PENYELARAS:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Qairunnisa binti Haji Jalil • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Azizah binti Hidup • Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • Hazey Suzainah binti Shaya • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

| Lidah Pengarang |



BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS KONVOKESYEN KE-12 KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat mengurniakan ijazah dan diploma kepada para graduan pada Majlis Konvokesyen Ke-12 KUPU SB.

BERAKAS, Sabtu, 5 Rabiulawal bersamaan 1 Oktober - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan berangkat mengurniakan ijazah dan diploma kepada para graduan pada Majlis Konvokesyen Ke-12 KUPU SB, 1444H/2022M yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar dan Pemangku Pendaftar KUPU SB, Awang Adi Rani Soffian bin Abdul Rahman.

Majlis Konvokesyen dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka

Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, diikuti dengan bacaan Asma al-Husna beramai-ramai.

Perarakan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam didahului dengan pengusungan Mushaf al-Qur'an yang dibawa masuk oleh Penolong Pendaftar KUPU SB, Awang Khairul Shaffarani bin Haji Hamidon ke dalam dewan.

Majlis diteruskan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan bacaan surah al-Hajj, ayat 77 hingga 78 dan surah al-'Alaq, ayat 1 hingga 5 beramai-ramai oleh para graduan Konvokesyen Ke-12 KUPU SB, 1444H/2022M.

Dalam intisari ayat yang dibacakan menjelaskan bahawa Allah Subhanahu wa Ta'ala menyeru orang yang beriman agar sentiasa melazimkan ruku', sujud, menyembah dan melakukan kebaikan (islah) agar mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.

Oleh yang demikian, maka KUPU SB menjadikannya panduan dalam melahirkan graduan yang taat kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, melakukan 'islah' dalam kebaikan demi meraih kejayaan dunia dan akhirat.

Pada majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah, seterusnya berkenan menyempurnakan pengurnian ijazah dan diploma kepada 243 graduan.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

ms. 4

ms. 3 Daripada jumlah tersebut, dua graduan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama Pendidikan Islam dan tiga graduan menerima Ijazah Sarjana Perguruan Ugama Pendidikan Islam serta dua graduan menerima Ijazah Sarjana Perguruan Ugama (bidang Syari'ah).

Seterusnya, 41 graduan dianugerahkan Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah, sembilan graduan dalam Program Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah (pengajaran bahasa Arab bagi penutur bukan Arab) dan dua graduan dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam dengan Minor Pengajian al-Qur'an dan as-Sunnah.

Sementara itu, empat graduan dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam dengan Minor Bimbingan dan Kaunseling, dua graduan dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam dengan Minor Da'wah dan Kepimpinan manakala tiga graduan dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama pendidikan Islam dengan Minor Fiqh Ahwal Syakhsia.

Selain itu, lapan graduan dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama pendidikan Islam dengan Minor Inovasi dan Teknologi Pendidikan Islam, dua graduan dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam dengan Minor keusahawanan dalam pendidikan Islam dan lima graduan dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam dengan Minor kewangan Islam serta 15 graduan dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam dengan Minor Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Majlis Konvokesyen tersebut juga meraikan 10 graduan dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam dengan Minor Pendidikan Keluarga Islam dan 10 graduan dalam program Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam dengan Minor Pendidikan Khas.

Manakala, empat graduan dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam dengan Minor Pendidikan Melayu Islam Beraja, 10 graduan dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam dengan Minor Pendidikan Sains Kesihatan, empat graduan dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam dengan Minor Pendidikan Seni Islam dan seorang graduan dalam Program Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam dengan Minor Usul Fiqh.

Seterusnya, 76 graduan dalam Program Diploma Tertinggi Perguruan Ugama Pendidikan Islam, tujuh graduan dalam program Diploma Pengajian Fiqh



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan sijil kepada para graduan KUPU SB yang diraikan.

Usrah, lima graduan dalam program Diploma Pengajian Kemahiran Jawi dan Kaligrafi serta 13 graduan dalam Program Diploma Pengajian Kitab Turats dan lima graduan dalam Program Diploma Pengajian Seni Al-Qur'an. ■

SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SHALLALLAHU 'ALAIHI WA SALLAM PERINGKAT NEGARA

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bersama paduka-paduka anakanda berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam Peringkat Negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Rabiulawal bersamaan 8

Oktober - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara,

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1444 Hijrah; Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abd Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan yang lain.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam Peringkat Negara Bagi ms. 6 Tahun 1444 Hijrah dimulakan



ANTARA para jemputan yang hadir.


5 dengan bacaan surah al-Fatiha dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin ms. Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sejurus selepas itu, persembahan Dikir Marhaban dibawakan oleh pegawai dan kakitangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan sebaik-baik sahaja sampai kepada "Ya Habibi" tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan.

Acara disusuli dengan ceramah khas yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ajak, Penolong Pensyarah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Persembahan selawat oleh Penuntut-penuntut Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Bagi memohon berkat dan rahmat di majlis yang berkebajikan ini, bacaan Doa Selamat oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam juga diadakan serentak di daerah-daerah iaitu di Daerah Belait, majlis diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait. Tetamu Khas di majlis tersebut



CERAMAH Khas yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ajak, Penolong Pensyarah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.



BACAAN Doa Selamat memohon keberkatan majlis oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan; di Daerah Tutong diadakan bertempat di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan Tetamu Khas di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan. Manakala di Daerah Temburong telah diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, Daerah Temburong dan Tetamu Khas di majlis tersebut ialah Yang Mulia Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Razak bin Haji Abdul Kadir, Timbalan Menteri Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

Tema bagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam Peringkat Negara tahun ini ialah "Bersabar, Berikhtiar, Bertawakkal dan Berdoa Menghadapi Ujian: Meraih Syafa'at Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam".



MAJLIS turut diserikan dengan 21 das tembakan meriam.

PERHIMPUNAN KHAS WANITA SEMPENA SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SHALLALLAHU 'ALAIHI WA SALLAM

Oleh : Dahlan Chuchu



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda.

JERUDONG, Sabtu, 26 Rabuulawal bersamaan 22 Oktober – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam bagi tahun 1444 Hijrah. Majlis berlangsung di Royal Berkshire Hall, Jerudong

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta Kerabat Diraja dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1444 Hijrah; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Penasihat Bersama Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1444 Hijrah; Penasihat-penasihat Bersama dan Pengurus-pengerusi Bersama dan Jawatankuasa Kerja Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam Tahun 1444 Hijrah dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh Yang Mulia Dayang Siti Zahrina binti Abdul Wahab, menyandang Tempat Ketiga Musabaqah Membaca

al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443H/2022M yang membacakan ayat 1 hingga 7, surah at-Tahriim.

Diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Siti Mahayana binti Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya, Pengurus Bersama Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam Tahun 1444 Hijrah.

Majlis diteruskan dengan Persembahan Dikir dibawakan oleh pegawai dan kakitangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Majlis Wanita, Negara Brunei Darussalam.

Majlis diserikan dengan ceramah khas mengenai tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam pada tahun ini iaitu "Bersabar, Berikhtiar, Bertawakkal dan Berdoa Menghadapi Ujian: Meraih Syafa'at Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustazah Hanisah binti Haji Othman, Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



CERAMAH Khas yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustazah Hanisah binti Haji Othman, Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

DOA KESYUKURAN SEMPENA MEMPERINGATI MASJID ASH-SHALIHEEN YANG KE-10 TAHUN

Oleh : Azizah Hidup



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Rabiulawal bersamaan 13 Oktober

Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Doa Kesukuran sempena Memperingati Masjid Ash-Shaliheen yang Ke-10 tahun, yang berlangsung di masjid berkenaan di Kompleks Bangunan JPM.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Yaasin dan tahlil beramai-ramai yang diteruskan dengan bacaan doa sempena Memperingati 10 Tahun Masjid Ash-Shaliheen dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran dan diakhiri dengan menunaikan sembahyang fardhu Asar berjemaah.

Majlis doa kesukuran tersebut, antara lainnya bertujuan untuk memanjatkan rasa syukur ke hadhrat Allah Subhanahu wa Ta'ala iaitu Masjid Ash-Shaliheen telah mencapai usia 10 tahun, meningkatkan ibadah dan kekhusukan para jemaah dan ahli-ahli takmir masjid serta memakmurkan masjid dengan kegiatan-kegiatan berkebajikan selaras dengan usaha menyebarkan syiar Islam di negara ini terutama sekali dalam menyatakan hubungan silaturrahim.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Mulia Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta para pegawai dan kakitangan JPM dan KHEU. ■



GRADUAN CEMERLANG BIASISWA KHEU DIRAIKAN

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan penghargaan kepada para graduan cemerlang yang diraiakan di Royal Berkshire Hall Tarindak D'Polo, Royal Brunei Polo & Riding Club Jerudong.

JERUDONG, Rabu, 23 Rabiulawal bersamaan 19 Oktober

Penganugerahan Biasiswa Kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam mendukung keberjayaan sistem persekolahan Arab dan Pengajian Tahfiz.

Ini kerana pencapaian cemerlang dalam Peperiksaan Awam Arab dan umum termasuk Hafazan al-Qur'an menjadi syarat utama bagi melayakkan pelajar-pelajar dianugerahkan biasiswa ini.

Perkara itu dinyatakan oleh Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar selaku pengurus majlis pada Majlis Penghargaan dan Doa Kesukuran Graduan Cemerlang Biasiswa KHEU, Tahun 1444H/2022M yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Tarindak D'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club.

Majlis tersebut diadakan adalah untuk memberi penghargaan atas pencapaian yang telah diperolehi oleh para graduan setelah menamatkan pengajian dalam bidang dan jurusan masing-masing.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin



Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman. Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEU.

Antara tujuan majlis itu diadakan adalah sebagai tanda kesyukuran ke hadhrat Allah Subhanahu wa Ta'ala atas kurnia kejayaan graduan-graduan dalam pengajian yang telah diikuti dan memberi pengiktirafan kecemerlangan akademik atas usaha gigih graduan-graduan berkenaan.

Di samping itu, ia juga merupakan salah satu inisiatif dalam mendukung rancangan strategik KHEU 2020-2024, selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dipimpin oleh Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan. Ini diikuti dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh Awang Mohammad Firdaus bin Mohammed Salleh iaitu pelajar dari Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah.

Majlis diserikan dengan tayangan klip video ucapan wakil-wakil graduan yang diraiakan dan dikuti dengan penyampaian hadiah penghargaan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama kepada seramai 33 graduan cemerlang yang telah mengikuti pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara dan telah berjaya menamatkan pengajian pada tahun 2019 hingga 2021. ■

PERHIMPUNAN MALAM MUNAJAT KHAS

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, bersama dengan menteri-menteri kabinet dan setiausaha tetap dan timbalan setiausaha tetap semasa majlis berkenaan.

KIARONG, Sabtu, 6 Rabiulawal bersamaan 1 Oktober - Sempena genap setahun pengajuran program Malam Munajat, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan Majlis Perhimpunan Malam Munajat Khas bertempat di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah.

Malam Munajat ini diserikan dengan penyertaan di kalangan Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap serta Pegawai-pegawai Kanan kerajaan.

Kehadiran orang ramai juga telah menyemarakkan Majlis Perhimpunan Malam Munajat Khas dan mengimarahkan masjid dalam bersama-sama bertaqarrub kepada Allah Subhanahu wa Ta'alaa dengan bermunajat. Sementara bagi mereka yang tidak dapat hadir secara fizikal, juga telah mengikuti Majlis Perhimpunan Malam Munajat Khas secara maya dengan melayari pautan <http://tiny.cc/munajatkheu> atau Instagram Pusat Da'wah Islamiah @pdi_kheu.

Program Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama pertama kalinya diadakan pada hari Sabtu, 12 Safar 1443H bersamaan 18 September 2021M. Acara berkenaan diadakan secara maya dari kediaman masing-masing bermula dari setelah menuaikan sembahyang fardhu Maghrib sehingga sebelum azan Isya' iaitu ketika Negara Brunei Darussalam masih lagi berhadapan

dengan situasi pandemik COVID-19. Ianya diungkayahkan sebagai salah satu usaha kerohanian dalam usaha mengawal dan mencegah penularan wabak COVID-19 di samping usaha-usaha lain dari segi perubatan, rawatan dan program vaksinasi kebangsaan serta amal ibadat lazimnya.



JEMAAH muslimah yang turut hadir di Malam Munajat Khas.

Pengisian acara Munajat Khas ini dimeriahkan dengan Selawat Tafrijiyah dan zikir dibawakan oleh gabungan Belia-belia Masjid. Sejurus azan fardhu Maghrib dilaungkan oleh Yang Mulia Awang Ahmad Syafiq bin Haji Othman, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Sembahyang fardhu Maghrib berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Suhaili bin Haji Metali al-Hafiz dan diikuti dengan Sembahyang Sunat Ba'diah.

Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abd Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan dan seterusnya membacakan Doa Munajat dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis diikuti dengan bacaan Selawat Qiyam dipimpin oleh pegawai-pegawai Masjid dan pegawai-pegawai dari Jabatan Pengajaran Islam. Sembahyang fardhu Isya' berjemaah diimamkan oleh Yang Mulia Awang Abdul Aziz bin Abdullah, Pegawai Hal Ehwal Masjid yang kemudiannya, diakhiri dengan Sembahyang Sunat Ba'diah.

Program malam munajat ini berterusan diungkayahkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama pada minggu-minggu berikutnya. ■

Acara Malam Munajat Khas dimulakan dengan bacaan Sayidul Istighfar dan surah al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Seterusnya, bacaan surah Yaasiin beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Mohd Sujairi bin Haji Dollah, Timbalan Pengetua Institut Tahfiz al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Majlis diserikan lagi dengan tazkirah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja



TAZKIRAH yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abd Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

PENUBUHAN TABUNG KEMANUSIAAN BANJIR PAKISTAN

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



PELANCARAN SMS Brunei Prihatin Tabung Kemanusiaan Banjir Pakistan 2022 dilaksanakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Rabiulawal bersamaan 15 Oktober - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenankan penubuhan Tabung Kemanusiaan Banjir Pakistan 2022, seterusnya Penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Banjir Pakistan 2022.

Penubuhan tabung kemanusiaan ini bertujuan untuk mengumpulkan derma berbentuk kewangan sahaja daripada semua rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi membantu meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh rakyat Pakistan yang dilanda banjir besar.

Jawatankuasa khas tersebut telah bersidang di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Rosli bin Haji Ibrahim, dan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Awang Johari.

Ahli-ahli mesyuarat, terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan dan sektor swasta. Mesyuarat diadakan untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan usaha bagi mengumpulkan derma daripada rakyat dan penduduk NBD.

Hadir selaku penasihat bersama ke mesyuarat tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Timbalan Penasihat Bersama.

Mesyuarat Jawatankuasa menetapkan, bahawa tempoh kutipan derma akan diadakan selama tiga bulan, iaitu mulai hari ini, 15 Oktober 2022 hingga 12 Januari 2023.

Penetapan tempoh tersebut dibuat bagi memberi peluang kepada para penderma untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan secara langsung dan bagi membolehkan pelbagai pihak untuk mengajurkan aktiviti-aktiviti amal dan kebajikan bagi tujuan kutipan derma tersebut.

Mesyuarat juga diselajurkan dengan Majlis Pelancaran SMS Brunei Prihatin Tabung Kemanusiaan Banjir Pakistan 2022.

Ia merupakan salah satu usaha untuk memberi kemudahan kepada orang ramai untuk menghulurkan derma kepada tabung berkenaan yang diungkayahkan bersama Datastream Digital Sendirian Berhad (DST), Progresif Sendirian Berhad (Progresif) dan Imagine Sendirian Berhad. ■

PERTANDINGAN MEMBACA AYAT-AYAT SUCI AL-QUR'AN ANTARA PEGAWAI-PEGAWAI MASJID SENEGARA KALI KE-9

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku tetamu kehormat majlis berkesudian menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Rabiulawal bersamaan 20 Oktober. – Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar Ali Saifuddien dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mengadakan Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Suci al-Qur'an antara Pegawai-pegawai Masjid Senegara Kali Ke-9 Tahun 1444H/2022M. Pertandingan tersebut diadakan adalah untuk mempertingkatkan lagi mutu pembacaan al-Qur'an bagi Pegawai-pegawai Masjid di Negara Brunei Darussalam khususnya seni pembacaan al-Qur'an secara tilawah atau secara tarannum.

Pertandingan tersebut berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien selama dua hari. Seramai 23 orang peserta terdiri dari kalangan pegawai-pegawai masjid senegara telah menyertainya.

Antara tujuan acara ini diadakan adalah untuk meningkatkan lagi kualiti pembacaan para pegawai masjid (iaitu Pegawai Hal Ehwal Masjid / Imam / Bilal / Marbut) ke tahap yang lebih baik dan menjadikan pembacaan al-Qur'an sebagai amalan sehari-hari khususnya kepada para pegawai masjid di



samping untuk memupuk semangat keislaman, keimanan dan ukhuwah persaudaraan Islamiah kalangan peserta. Pertandingan ini juga diharap agar para peserta dapat menghayati isi kandungan al-Qur'an dan direalisasikan dalam kehidupan beragama, berbangsa dan bernegara serta menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran da'wah kepada masyarakat umum.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya berkesudian bagi menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Semoga dengan adanya pertandingan seumpama ini akan dapat melahirkan pegawai masjid yang boleh dijadikan sebagai contoh kepada pegawai-pegawai masjid yang lain khususnya, dan kepada ahli jawatankuasa serta para jemaah masjid di mana mereka ditugaskan secara umumnya, dan seterusnya menjadikan pembacaan al-Qur'an sebagai amalan dalam kehidupan seharian. ■

DIKIR MAULUD BERSAMA MUALLAF DI KAWASAN PEDALAMAN

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



BACAAN surah al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah selaku tetamu kehormat majlis yang juga selaku ketua rombongan.

BEBULOH, Rabu, 9 Rabiulawal bersamaan 5 Oktober - Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Pengupayaan Muallaf) mengadakan Majlis Dikir Sempena Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam bersama Muallaf bagi Tahun 1444H/2022M di Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh, Daerah Brunei Muara.

Majlis dimulakan dengan sembahyang fardhu Maghrib berjemaah, diikuti dengan bacaan surah al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah selaku tetamu kehormat majlis yang juga selaku ketua rombongan.

Majlis diteruskan dengan tazkirah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Ustaz Syamim Farhan bin Haji Sufri, Pembantu Kanan Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah bertajuk "Kelebihan Menjadi Umat Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi

wa sallam" dan disusuli persembahan Dikir Syarafil Anam yang dipimpin oleh Pegawai-pegawai Pusat Da'wah Islamiah.

Selain untuk memeriahkan sambutan dan memperingati Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam, majlis adalah bertujuan



BACAAN Dikir Syarafil Anam dipimpin oleh pegawai-pegawai Pusat Da'wah Islamiah bersama dengan penduduk Kampung Bebuloh.


sebagai salah satu sarana da'wah dan kaedah untuk mengajak para muallaf bagi sama-sama menghayati dan melahirkan rasa cinta kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam dengan memperingati baginda pada setiap 12 Rabiulawal.

Majlis ditutup dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Mulia Awang Saifullah bin Haji Mohd Sophian, Pemangku Bilal Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh dan kemudiannya sembahyang fardhu Isya' berjemaah.

Turut hadir di majlis tersebut adalah Yang Mulia Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub, Pemangku Penolong Pengarah, para pegawai dan kakitangan daripada Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Pembangunan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■

PENUTUP DIKIR MAULUD BERSAMA MUALLAF DI DAERAH BELAIT

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



BERGAMBAR ramai ketua rombongan Pusat Da'wah Islamiah bersama muallaf.

BELAIT, Isnin, 28 Rabiulawal bersamaan 24 Oktober - Pusat

Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Pengupayaan Muallaf) mengadakan Majlis Penutup Dikir sempena Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam bersama muallaf bagi Tahun 1444H/2022, yang diadakan di Bangunan Persatuan Sinar Islam (PSI).

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah beramai-ramai, dipimpin oleh Pemangku Penolong Pengarah PDI, Awang Ruslan bin Haji Sulaiman selaku ketua rombongan.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan tazkirah, disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama I-Ready, Awang Abd. Khaliq bin Kamree dan

disusuli dengan Persembahan Dikir Syarafil Anam, dipimpin oleh ahli-ahli PSI dan pegawai-pegawai PDI.

Majlis diteruskan lagi dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Perkembangan Ugama I-Ready, Awang Abd. Khaliq.

Selain untuk memeriahkan sambutan dan memperingati Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam, tujuan majlis ini diadakan adalah sebagai salah satu sarana da'wah dan kaedah untuk mengajak para muallaf bagi sama-sama menghayati serta melahirkan rasa cinta kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam dengan memperingati baginda pada 12 Rabiulawal setiap tahun.

Turut hadir; Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Mohammad Aliyani bin Ismail; Yang Di-Pertua PSI, Awang Abdul Alim bin Abdullah Igol; Yang Di-Pertua Persatuan Nurul Islam, Awang Haji Mohd Hazwan bin Abdullah; serta pegawai-pegawai dan kakitangan dari Bahagian Penyebaran Da'wah dan Bahagian Pengembangan PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■

Majlis Pengislaman **OKTOBER** 2022

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَدْخُلُوهُ فِي الْسَّلَامِ كَافَةً وَلَا تَتَّبِعُو حُكْمَ الْشَّيْطَانِ
إِنَّمَا لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu semua ke dalam Islam secara keseluruhan (dengan mematuhi segala hukum-hukumnya) dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu bagi kamu ialah musuh yang nyata.

Surah al-Baqarah ayat 208



STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2022



Brunei Muara
Dewasa Kanak-Kanak

8	1
5	-



Tutong
Dewasa Kanak-Kanak

4	-
5	-



Jumlah
Keseluruhan
JAN-OKT 2022
364 Orang



Belait
Dewasa Kanak-Kanak

4	-
5	-



Temburong
Dewasa Kanak-Kanak

-	-
-	-

| Features |

DIVINE MAHABBAH

*Love of Allah, for Allah,
by Allah, With Allah*

Sharifah Khadijah Husien Alkaff

Labbalik Ya Abdi

There was once an idolator who worshipped an idol for 70 years, calling to it by saying Ya Sanam everyday. One day, by mistake, he uttered Ya Shamad instead of Ya Sanam. Shamad is a name of Allah which means The Self Sufficient Master. Allah Ta'ala immediately replied *Labbalik Ya Abdi* (I am here oh My slave). The angels asked Allah why He replied to him since he didn't even call upon Him intentionally. Allah said: "For 70 years I have been waiting for this servant of mine to turn towards Me! When we call Allah just once, He replies back to us 70 times by saying *Labbalik Ya Abdi*. How unfortunate we are if we do not recognise our Allah who is so Kind, Merciful and Forgiving."

Abu Hafs Haddad

Prior to his reformation Abu Hafs Haddad *Rahmatullah 'alaih* was in love with a beautiful girl. He went to enlist the aid of a famous magician. The sorcerer advised him to abstain from all acts of ibadat for 40 days. Thereafter, his magic will have the necessary affect on the girl. After 40 days Abu Hafs again visited the sorcerer. As much as he endeavoured, the magic was

ineffective. The sorcerer said: "You must have rendered some act of Ibadat hence the ineffectiveness of my magic."

Abu Hafs: "I did not worship at all. However, I would remove stone in the pathway to save people inconvenience."

Sorcerer: "Alas! You have refrained from the ibadat of such a God Who had accepted such an insignificant act of virtue and rendered the magic ineffective. He even overlooked your disobedience of 40 days."

This statement of the sorcerer made a tremendous impact on the heart of Abu Hafs Haddad. He repented, renounced the world and engrossed himself in zikrullah.

Malik ibn Dinar's Young Neighbour

The neighbour of Malik ibn Dinar was a physically strong, evil, young man who caused much distress to people. Once the people complained to Malik ibn Dinar about the oppressive conduct of the young man. Malik ibn Dinar went to counsel him. The young man responded: "I am a royal servant. No one can tell me anything." After some time, the people again complained about the evil and oppressive conduct of the young man. Malik ibn Dinar again set off to counsel the young man. Along the way he heard a voice saying: "Do not pursue My friend." Greatly surprised, Malik ibn Dinar, went to the young man who exclaimed: "You have come again!" Malik ibn Dinar said: "I have come to give you glad tidings." Allah Subhanahu wa Ta'ala says that you are His friend. The young man said: "If this is so, I give all my wealth in the path of Allah."

After having contributed his entire estate in the path of Allah, he left, never to be seen again. Malik ibn Dinar saw him in Makkah. He had become extremely lean and weak. He was supplicating: "Allah has called me His friend. I have sacrificed myself for Him with all my heart. I know that His pleasure is in ibadat. Never shall I displease Him. I repent."

Bishr Haafi

Before his reformation, Bishr Haafi *Rahmatullah 'alaih* was a drunkard. One day on his way to the pub he saw a piece of paper on which was written the basmalah: laying in the street gutter. He stopped to pick it up. He cleaned the paper, applied perfume to it and placed it on a high shelf in his home.

That night a saintly man was commanded in a dream: "Go to Bishr and tell him, You had perfumed and honoured My Name, I shall cleanse you of your sins and elevate you." The saint's eyes opened. He thought: "Bishr is a fasiq". My dream is false. He took wudhu, performed two raka'ats and went to sleep. He saw the same dream. He woke up. With the same thought in mind, he fell asleep. For the third time he saw the same dream.

In the morning, the saint sent for Bishr but was informed that he was in the pub. He went to the pub, stood outside and enquired about Bishr. He was told that Bishr was lying in a drunken stupor. The saint said: "Tell him that someone has brought a message from Allah Subhanahu wa Ta'ala." When this message was delivered, it penetrated Bishr's heart, sobering him. Bishr was overcome with fear. He said to his friends in the pub: "Farewell! You will not see me again. Bishr repented and Allah Subhanahu wa Ta'ala granted him a most elevated spiritual status."



Contoh & Teladan

Rasulullah

Shallallahu 'alaihi wa sallam



أسماء الابناء

NAMA ANAK LAKI-LAKI

Hayyin Taqi

هين تقي

Yang Mudah, Yang Bertaqwa

Ilfi an-Nur

إليفي النور

Sahabat Karibku, Cahaya

Sadad Luthfi

سداد لطفي

Kebenaran, Ketepatan
Keramahanku, Kurniaanku



Daripada Aisyah Radhiyallahu 'anha,
Rasullullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya Nabi
Shallallahu 'alaihi wa sallam
pernah mengubah nama
yang buruk..."

(Hadits Riwayat Imam at-Tirmidzi)

Surah al-Qalam ayat 4

Dan sesungguhnya engkau benar-benar mempunyai akhlak yang sangat mulia.

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ حِلْقٍ عَظِيمٍ

Antara amalan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam yang patut dicontohi ialah:

- Mengambil wudhu' sebelum tidur.
- Tidur mengiring sebelah kanan.
- Meletakkan tangan di bawah pipi ketika tidur.
- Tidak bersandar ketika makan dan makan menggunakan tiga jari.
- Minum dengan dua atau tiga tegukan.
- Lebih banyak senyum daripada ketawa.
- Berdoa sebanyak tiga kali.
- Menghadap kiblat ketika berdoa.
- Mengangkat kedua tangan dan menyapukannya ke muka setelah habis berdoa.
- Memulakan berdoa untuk diri sendiri sebelum mendoakan orang lain.

Nama-Nama
BISAI
untuk anak
damit

أسماء البنات

NAMA ANAK
BINI-BINI

Adzra Tsaqibah

ذراء ثاقبة

Anak Dara,
Perawan Berseri-seri

Salma Malikah

سلمي مالكة

Yang Selamat,
Sejahtera, Permaisuri

Harisah 'Inayah

حارسة عناءة

Penjaga, Pelindung,
Pemeliharaan



PETIKANTITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH
MUIZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DANYANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA

MAULUD NABI MUHAMMAD
SHALLALLAHU 'ALAIHI WA SALLAM
BAGI TAHUN 1443H / 2021M

'Sangkaan Baik'

“Kita wajib mempunyai “sangkaan baik” terhadap Allah. Apa-apa jua yang ditentukan oleh-Nya adalah semua itu baik untuk kita. Kerana sesungguhnya Allah itu tidak pernah menzalimi sesiapa. Jika Dia mendatangkan satu-satu ujian, adalah ujian itu bukannya satu penzaliman, tetapi mungkin satu pengajaran atau sebagai cara untuk Dia (Allah) menambahkan lagi darjah seseorang, sekiranya seseorang yang diuji itu sanggup bersabar menerima ujian tersebut.”

Demikianlah yang patut kita fahami mengenai satu-satu situasi yang berlaku. Namun untuk menghadapinya, kita tidak dikehendaki diam, tetapi disuruh untuk berikhlas bagi memperolehi sesuatu yang terbaik...”

| Program Keugamaan Belia |

PROGRAM PEJUANG FAJAR



BERAKAS, Jumaat, 25 Rabiulawal bersamaan 21 Oktober – Program Pejuang Fajar yang berlangsung di Masjid Perpindahan Lambak Kanan dianjurkan oleh Urus Setia Program Keugamaan Belia (Badan Sukarelawan Belia Da'ie) Pusat Da'wah Islamiah (PDI). Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Serudin bin Haji Timbang; serta Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh.

Terdahulu, sembahyang fardhu Subuh berjemaah diteruskan dengan bacaan surah al-Kahfi, dipimpin oleh Ahli-ahli Jawatankuasa

Belia Da'ie yang bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dalam pengajaran al-Qur'an, iaitu Pengurus Belia Da'ie, Muhammad Fuad bin Matahir; Bendahari Belia Da'ie, Mohammad Najihuddin bin Nooralizam; dan Exco Penyelidikan dan Inovasi Belia Da'ie, Awang Mohamed Syarif Abbas bin Awang Haji Mohd Zaini.

Seramai 200 orang telah menghadiri program berkenaan yang terdiri daripada para jemputan khas, para pegawai serta kakitangan PDI, para belia Program Keugamaan Belia di bawah KHEU, Muslimah Masjid Perpindahan Lambak Kanan, para jemaah masjid dan Ahli-ahli jawatankuasa Belia Da'ie.

Program berkenaan juga disiarkan secara langsung melalui laman media sosial Instagram Belia Da'ie. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD), Tasbih Kaffarah dan surah al-Asr, diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Tujuan program berkenaan diadakan adalah untuk menjalankan peranan Belia Da'ie sebagai pertubuhan belia yang bertanggungjawab melaksanakan da'wah dan amar ma'ruf nahi mungkar di NBD melalui kempen sembahyang fardhu Subuh dan sebagai medium kesedaran bagi para belia keseluruhan untuk menunaikan sembahyang fardhu Subuh. ■

DOA KESYUKURAN BAGI GRADUAN KUPU SB

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



PENYAMPAIAN Anugerah Akademik KUPU SB kepada salah seorang pelajar terbaik yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

BERAKAS, Ahad, 6 Rabiulawal bersamaan 2 Oktober - Graduan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) diraikan dalam Majlis Kesyukuran sempena Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-12 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah, bacaan Asmaul Husna dan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' beramai-ramai, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an bermula surah adh-Dhuha hingga surah an-Nas dan bacaan Takhtim serta Doa Khatam daripada graduan-graduan yang diraikan.

Atur cara majlis diteruskan dengan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara KUPU SB dengan sembilan institusi pengajian tinggi luar negara.

MoU tersebut ditandangani bersama Mindanao State Universiti Filipina; Universitas Agama Islam Negeri Ambon Indonesia; Universitas Dharmawangsa Indonesia; Universitas Nadhatul Wathan Mataram Indonesia dan Institut Agama Islam Hamzanwadi Nadhatul Wathan Lombok Timur Indonesia.

Penandatanganan juga dibuat bersama Nusa Putra Universiti Indonesia; Kolej Universiti Islam Selangor Malaysia; Nippon Muslim Corporation and Japan Da'wah Centre, Osaka Japan dan Markfield Institute of Higher Education, United Kingdom.

Menandatangani perjanjian bagi pihak KUPU SB ialah Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Penandatanganan tersebut merupakan salah satu bentuk respons bagi meningkatkan lagi kerjasama dan perkongsian pengalaman terbaik di antara KUPU SB dengan institusi pengajian tinggi serantau.

Bidang kerjasama adalah meliputi pertukaran pelajar dan kakitangan, pertukaran penerbitan, program kerjasama penyelidikan juga pengajaran dan kerjasama dalam mana-mana bidang yang memberikan manfaat kepada dua-dua belah pihak.

Majlis juga menyaksikan penyampaian Anugerah Akademik KUPU SB kepada 16 pelajar terbaik dalam program masing-masing yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Acara turut diselanjurkan dengan penyerahan Wakaf Tarbiyyah daripada para graduan Konvokesyen Ke-12, diterima oleh Pemangku Penolong Ra'es KUPU SB, Datin Dr. Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh, selaku Pengurus Bersama Majlis Kesyukuran Graduan Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-12.

Majlis diakhiri dengan Doa Penutup oleh Penolong Pensyarah Pusat Penyelidikan dan Pengajaran Jawi dan Kitab Turats, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak. ■